



KEMENTERIAN  
KOMUNIKASI DAN DIGITAL

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS (*TASK FORCE*) PELAKSANAAN DWIRANGKAIAN 5G DI MALAYSIA**

Susulan pertemuan bersama pihak penyedia perkhidmatan pada 8 Mei 2023, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) bersetuju untuk membentuk sebuah Pasukan Petugas (*Task Force*) bagi memastikan pelaksanaan rangkaian 5G di bawah Digital Nasional Berhad (DNB) berjaya mencapai 80% liputan dikawasan berpenduduk menjelang penghujung 2023, dan peralihan kepada model dwirangkaian berjalan dengan lancar pada awal 2024.

*Task Force* ini akan dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Setiausaha KKD serta diurusetikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Selain itu, *Task Force* ini akan turut dianggotai oleh pihak DNB dan pihak penyedia perkhidmatan termasuklah CelcomDigi, Maxis, Telekom Malaysia (TM), YTL Communications (YTL) dan U-Mobile serta pihak-pihak lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

Adalah menjadi matlamat utama *Task Force* ini untuk memantau rangka kerja dan pelan peralihan kepada model dwirangkaian 5G di Malaysia bagi menjamin keteraturan dan ketertiban pelaksanaannya dari aspek perundangan, teknikal dan kewangan.

**FAHMI FADZIL**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL**

9 Mei 2023

